

# Tak semua muntah paus bernilai

**KUALA TERENGGANU:** Tidak semua muntah ikan paus yang ditemukan adalah tulen dan bernilai tinggi kerana kebanyakan sampel yang dianalisis di makmal hanya mengandungi lipid atau lemak.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Pusat Perkhidmatan Penyelidikan dan Lapangan (PPPL) Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Hasrizal Shaari berkata, muntah paus atau ambergris yang bernilai tinggi perlu mengandungi tiga bahan aktif iaitu ambrein sebanyak antara 25 hingga 45 peratus diikuti epico-prosterol (30 hingga 40 peratus) dan coprostanone (tiga hingga empat peratus).

Katanya, UMT menerima sejumlah 18 sampel ketulan lilin yang dipercayai muntah ikan paus untuk dianalisis di makmal PPPL sepanjang tahun ini namun kesemuanya bukan muntah tulen.

“Tanpa kandungan tiga bahan aktif berkenaan, ketulan itu tidak mempunyai apa-apa nilai dan kemungkinan berasal



**AIDA Zurina Long menunjukkan ketulan yang dipercayai muntah ikan paus di Kemasik, Kemaman, semalam. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN**

daripada sumber lain,” katanya semalam.

Seorang peniaga dari Kemasik, Kemaman mendakwa memiliki ketulan lilin dipercayai muntah ikan paus ketika memancing bersama ahli keluarganya berhampiran Jeti Lembaga Kemajuan Ikan (LKIM) di Marang, baru-baru ini.

Ketulan seberat kira-kira lima

kilogram itu kemudian dibawa pulang ke rumah dan kononnya barangan itu adalah muntah paus bernilai tinggi dan boleh dijual RM100,000 sekilogram.

Dalam pada itu, Hasrizal berkata, pihaknya sedia melakukan analisis di makmal bagi ketulan lilin yang dijumpai itu dengan bayaran sebanyak RM500.